

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 10/10/2007

PM, TPM ucap tahniah kepada Sheikh Muszaphar

PUTRAJAYA 9 Okt. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengucapkan tahniah kepada Dr. Sheikh Muszaphar Shukor di atas pemilihannya sebagai angkasawan pertama Malaysia untuk misi ke angkasa lepas esok.

Menurut Perdana Menteri, beliau yakin pihak Rusia lebih mengetahui setelah melakukan beberapa ujian bagi memastikan calon yang layak untuk melaksanakan misi

negara itu.

"Saya ucapkan tahniah kepada dia (Sheikh Muszaphar), saya amat gembira. Rakyat kita telah dipilih untuk mengikuti misi berkenaan dan saya berharap semuanya akan berjalan lancar.

"Semua rakyat Malaysia bergembira kerana salah seorang daripada rakyat negara ini akan menjadi angkasawan," katanya

pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Lembaga Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) di sini, hari ini.

Sheikh Muszaphar, dipilih oleh Jawatan Kuasa Pemilihan Angkasawan Agensi Angkasa Rusia (Roskosmos) sebagai angkasawan pertama Malaysia untuk misi ke angkasa lepas esok.

Doktor bedah ortopedik berusia 35 tahun

dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang berasal dari Seremban itu akan berada 10 hari di Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS).

Beliau akan berlepas bersama Komander Peggy Whitson dari Amerika Syarikat dan jurutera penerbangan Yuri Malenchenko dari tapak pelancaran Baikonur Cosmodrome pada pukul 7.21 malam waktu tempatan

(9.21 malam waktu Malaysia).

Mengulas perkara yang sama, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, pemilihan tersebut berasaskan merit.

Katanya, ia mengikut kesesuaian, kebolehan dan kemampuan Sheikh Muszaphar sebagai seorang angkasawan dan kemampuan untuk menjalankan kajian.